



A. KADIR JASIN
Tukang Wartawan di Negara 2011

Mengundi Tonggak Demokrasi

Kempen pendaftaran pengundi sedang berjalan. Memang menjadi tanggungjawab warganegara Malaysia yang telah mencapai usia 21 tahun untuk mendaftar dan seterusnya mengundi dalam pilihan raya.



Bagi yang sudah mendaftar, mereka perlu dari semasa ke semasa memeriksa status pendaftaran mereka bagi memastikan nama mereka tidak terpadam atau tempat mengundi mereka dipindahkan. Pernah berlaku pemilih tidak dapat mengundi kerana nama mereka tiba-tiba lesap daripada senarai atau dipindahkan tanpa izin ke tempat lain.

Mendaftar menjadi pemilih dan seterusnya keluar mengundi menjadi permulaan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, seperti yang kita amalkan di Malaysia. Jika difahami dan diamalkan dengan betul, demokrasi merupakan sistem pemerintahan yang terbaik. Demokrasi menjamin kesejahteraan dan kesaksamaan kepada setiap pengamalannya, seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

Pilihan raya ialah kontrak yang dimeterai anggota masyarakat, iaitu mereka memilih pemimpin melalui

proses seorang satu undi. Pemilih memberikan undi kepada calon yang diyakini mereka, manakala calon yang terpilih memberikan khidmat kepada rakyat jelata seperti yang dijanjikannya. Hal ini merupakan sistem sejagat yang dalam bentuk asalnya bersifat egalitarian, iaitu tidak ada perbezaan antara yang memilih dengan yang dipilih.

Hal ini boleh kita lihat secara sah dalam negara demokrasi matang di Eropah, iaitu ketua kerajaan dan wakil rakyat bergaul bebas dengan anggota masyarakat, seperti di dalam kapal terbang, kereta api dan bas. Taraf mereka sama rata. Masing-masing berdiri pada landasan tanggungjawab membangunkan dan menjaga keselamatan negara. Atas landasan itu, mereka menjadi cukup patriotik dan bertanggungjawab. Mereka secara sukarela meletakkan jawatan apabila tidak lagi mendapat kepercayaan rakyat jelata atau berasa tidak lagi boleh menjalankan tugas dengan baiknya. Rakyat jelata pula tidak teragak-agak mengkritik,

menyingkirkan, dan menghukum wakil mereka yang khianat dan membusukkan nama negara.

Demokrasi ialah konsep Yunani (Greek) yang merupakan gabungan perkataan Greek *demōs* yang bererti orang atau manusia dan *kratia* yang bererti kuasa. Dalam pengertian politik, demokrasi bermaksud kuasa yang ditentukan oleh rakyat. Pada zaman moden, demokrasi dikaitkan langsung dengan proses pilihan raya, iaitu warganegara mengundi untuk memilih wakil dan membentuk kerajaan. Sekiranya kita memahami dan mengakuri amalan demokrasi, kita hendaklah melakukan langkah yang berikut.

Pertama, kita mendaftar menjadi pemilih. Bagi kita di Malaysia, setiap warganegara yang berusia 21 tahun ke atas berhak untuk mendaftar sebagai pemilih dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Menurut laman web rasmi SPR, terdapat dua jenis pendaftaran pemilih, iaitu pendaftaran baharu dan pendaftaran menukar alamat, serta pusat mengundi. Kedua-duanya dapat dilakukan pada sepanjang tahun. SPR juga menerima permohonan pemilih berdaftar yang hendak mendaftarkan alamat tempat tinggal yang baharu. Pada lazimnya, bagi seorang pemilih yang berpindah ke tempat baharu, pusat mengundinya akan ditetapkan mengikut alamat baharunya.

Kedua, bagi yang sudah mendaftar, bijak bagi mereka untuk membuat semakan dari semasa ke semasa untuk memastikan nama mereka tidak dikeluarkan atau dipindahkan ke tempat lain, sama ada secara sengaja atau kerana kesilapan. Cara mudah dan pantas adalah dengan melalui semakan secara dalam talian. Yang paling penting, mereka keluar mengundi apabila pilihan raya diadakan. Untuk tujuan itu, kita perlulah mengambil tahu akan perkembangan politik semasa supaya boleh membuat pilihan yang terbaik.



Warganegara Malaysia yang sudah mencapai usia 21 tahun perlu mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya keluar mengundi.

Sejak merdeka pada tahun 1957, kita tidak pernah gagal mengadakan pilihan raya umum (PRU). Kita sudah mengadakan 13 kali PRU, yang bermula pada tahun 1959 (Dewan Rakyat). Sebelum merdeka, pada tahun 1955, kita mengadakan pilihan raya Majlis Perundingan Persekutuan.

Sejak merdeka pada tahun 1957, kita tidak pernah gagal mengadakan pilihan raya umum (PRU). Kita sudah mengadakan 13 kali PRU, yang bermula pada tahun 1959 (Dewan Rakyat). Sebelum merdeka, pada tahun 1955, kita mengadakan pilihan raya Majlis Perundingan Persekutuan.

Namun begitu, yang mendukung ialah masih banyak warganegara tidak menjalankan tugas penting ini. Mereka sama ada tidak keluar mengundi atau lebih teruk, tidak mendaftar sebagai pemilih.

Menurut perangkaan SPR, sehingga 31 Disember 2015, lebih daripada empat juta warganegara belum berdaftar sebagai pemilih setelah mencapai umur 21 tahun. Angka ini sangatlah besar jika kita bandingkan dengan bilangan yang sudah mendaftar, iaitu 13 468 946 orang. Maksudnya, bilangan warganegara yang boleh mengundi, sekiranya mereka mendaftar, ialah 17 658 700 orang.

Daripada jumlah tersebut, majoritinya orang Melayu. Sebanyak 1 803 088 orang Melayu belum mendaftar berbanding dengan orang Cina sebanyak 1 222 134 orang. Mengikut bilangan penduduk, nisbah orang Cina yang belum mendaftar lebih besar daripada orang Melayu. Bilangan rakyat berbangsa India yang belum mendaftar sebanyak 378 931, manakala bumiputera Sarawak 302 391 dan Sabah 298 910 orang.

Sebagai kesimpulannya, warganegara Malaysia yang sudah mencapai usia 21 tahun perlu segera mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya keluar mengundi. Sikap tidak ambil peduli sangat merugikan. Sekiranya kita tidak mengundi atau tidak tahu akan orang yang hendak dipangkah, kita bukan sahaja terlepas peluang memilih pemimpin kita, malah kita mungkin terpaksa menerima pemimpin yang tidak mepedulikan kepentingan rakyat. Kita mungkin mendapat wakil yang menentang kepentingan kita.

Kita tidak boleh membiarkan orang lain membuat keputusan bagi pihak kita. Kita wajib mendaftar sebagai pemilih dan keluar mengundi bagi memilih parti dan calon yang serasi dengan kehendak dan selera kita demi masa hadapan dan negara kita.

Wallahuaklam. 🇲🇾